

Rumah berlumpur selepas air surut

KAPAR – Kesemua 34 keluarga yang merupakan mangsa banjir akibat fenomena air pasang besar dari Kampung Tok Muda sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Tok Muda, Masfangi Ahmad berkata, Pusat Pemindahan di Dewan Tok Muda yang mula dibuka sejak 19 September lalu juga ditutup sepenuhnya.

Menurutnya, antara kesan banjir yang dapat dilihat ialah pada rumah penduduk yang dipenuhi lumpur akibat ditenggelami air

"Lumpur juga kena pada barang atau alat elektrik. Bagi keadaan tanaman dan ladang penduduk pula, setakat ini keadaan semua kelihatan baik tapi kita perlu tengok dalam sehari dua lagi sama ada tanaman penduduk mati atau tidak," katanya.

Masfangi turut berterima kasih kepada pihak berkuasa dan agensi terlibat dalam membantu penduduk khususnya di Kampung Tok Muda sepanjang kejadian banjir tidak diduga ini.



Antara barang milik penduduk yang rosak selepas bencana. Gambar kecil: Masfangi.

"Terima kasih kepada polis, bomba, Jabatan Kebajikan Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan lain-lain kerana memberikan bantuan selain sentiasa bersedia menghadapi pelbagai kemungkin-

an situasi.

"Untuk perkembangan setakat ini, penduduk yang terjejas kerana banjir semuanya sudah pulang dan kembali melakukan rutin harian selain membersihkan kesan banjir

pada rumah masing-masing.

"Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula sedang giat membaik pulih ban yang rosak dan rebah sejak tengah hari tadi (semalam)," katanya.